



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**KHAMIS 22 FEBRUARI 2024**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PROGRAM MADANI RAKYAT ZON TENGAH USAHA DEKATI RAKYAT, RENCANA, UM -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	100,000 DIJANGKA BANJIRI PMR, NASIONAL, SH -18	
3.	MISTERI BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI, CETUSAN, SH -17	
4.	SUKAR DAPAT BERAS TERMPATAN, DALAM NEGERI, UM 1 & 3	
5.	HARU-BIRU BERAS MADANI, MUKA DEPAN, HAKAKAH -1	
6.	BERAS MADANI LEBIH MAHAL, NASIONAL, HAKAKAH -H2	
7.	KECELARUAN BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI, NASIONAL, HAKAKAH -H3	
8.	APABILA KERAJAAN MADANI BEKERJA, NASIONAL, HAKAKAH -H5	
9.	JUAL BENIH PADI PASARAN GELAP BERI TEKANAN KEPADA PETANI, NASIONAL, SH -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	MAN HELD FOR FISH-BOMBING, NATION, THE STAR -11	LAIN-LAIN
11.	HASIL KERANG MEROSOT AKIBAT CUACA, DALAM NEGERI, UM -30	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)





22/2/2024

UTUSAN  
MALAYSIA

MUKA DEPAN

1

● Pembeli dakwa tiga bulan tiada bekalan ● Beras Putih Malaysia Madani sekat manipulasi kartel

# Sulkar dapat beras tempatan

Oleh **ASLINDA NASIR**

aslinda.nasir@mediamulla.com.my

**KUALA LUMPUR:** Rakyat tiada pilihan apabila terpaksa membeli beras putih import (SSI) dengan harga lebih mahal ber-

kutan sukar menemui beras putih tempatan (SST) dijual di pasaran di Lembah Klang.

Tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai-kedai runcit di beberapa daerah di Selangor dan ibu negara, hanya beras import

dijual dengan harga paling murah untuk kampil 5 kilogram (kg) RM20 manakala RM45 untuk kampil 10kg.

Antara jenama beras putih super import yang banyak ditemui seperti Thai King Siam, Era

Nagasari, Sakura, Jasmine Super 5, Jati, Merbok, Bird of Paradise dan Cap Rambutan. Sedangkan bagi beras tempatan kerajaan menetap hanya RM26 bagi kampil 10kg.

Disebabkan kesukaran mene-

mui beras tempatan, pelanggan pertengahan dan ke bawah akan mencari dan membeli beras import yang dijual dengan harga paling murah.

**Bersambung di muka 3**

**Mesyuarat khas percepat Zon  
Ekonomi Khas Johor-Singapura »4**

**NGO disiasat FBI tidak terlibat  
isu keganasan - Saifuddin »4**

22/2/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

3

# Sukar dapat beras tempatan

## Dari muka 1

Seorang pelanggan di sebuah pasar raya di Sungai Besi, ibu negara, Ashikin Mohd Nor berkata, dia sentiasa pergi awal ke pasar raya untuk mencari beras putih tempatan kerana jika ada beras tempatan ditawarkan ia cepat terjual.

Namun, sejak beberapa bulan ini, kata Ashikin, dia tidak berhasrat membeli beras tempatan kerana hanya melihat hanya beras import yang ditawarkan.

"Saya rasa sudah tiga bulan tidak nampak beras putih tempatan di pasar raya. Saya pun pelik kenapa jadi begini. Harga beras import mahal, anak pula ramai. Tahun berapa lama sangat kalau beli beras import."

"Saya yang berkeluarga besar ini sudah tentu mahu membeli beras tempatan sebagai pilihan sebab murah. Tetapi tidak ada, apa saya boleh buat?" soal suri rumah itu.

Seorang lagi, Mat Ghani Ali berkata, beliau mendapati hanya beberapa karpit beras tempatan diletakkan, namun tidak sampai 10 minit, beras tersebut habis, sekali gus pelanggan lain terpaksa membeli beras import.

"Saya beli beras tempatan dua bulan lalu dan sekarang tidak jumpa lagi. Saya cari merata di kawasan kediaman saya, memang beras tempatan tidak dijual. Paling mahal saya pernah tengok dijual hampir RM70 untuk 10 kilogram, me-

manang saya tidak akan belilah dengan harga semahal itu," katanya.

Seorang pelanggan di Seremban, Selangor yang enggan dikenali berkata, sudah beberapa bulan dia tidak menemui beras tempatan sama ada di pasar raya mahupun kedai-kedai runcit.

Kata wanita itu, dia yang bekerja sebagai jurujual kosmetik akan membuat perbandingan harga untuk membeli beras import yang paling murah.

"Setakat ini, paling murah beras import dibeli RM37.90 untuk karpit 10kg. Saya tidak berharap untuk membeli beras tempatan sebab tidak jumpa lagi dalam kedai-kedai di kawasan saya," katanya.

Menyedari perkara itu, Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal ketika ditemuvi *Utusan Malaysia* berkata, kesukaran menemui beras tempatan berlaku angkara kartel.

Menurut beliau, ada pihak dalam industri beras atau kartel dipercayai cuba mengaut keuntungan daripada beras putih tempatan yang selama ini dijual pada harga RM26.

Bagaimanapun, kata Syed Abu Hussin, disebabkan mahu untung, banyak beras tempatan itu ditukar label menjadi beras import dan dijual sehingga RM40 ke RM45 bagi 10kg. Disebabkan masalah itu, kata beliau, pihaknya mengam-



**SYED ABU HUSSIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL**

bil langkah membuat penyelidikan harga beras kepada satu gred sahaja, sekali gus menyifatkan sebagai tindakan wajar supaya kartel tidak lagi memanipulasi harga beras tempatan.

"Kita perkenalkan Beras Putih Malaysia Madani iaitu satu gred dan satu harga iaitu RM30 bagi 10kg."

"Langkah ini supaya tidak buka ruang kepada kartel untuk mengambil kesempatan, ini kerana bila mereka memanipulasi harga, kesannya adalah harga akan naik."

"Apa yang saya buat ini adalah selaras dengan apa yang dikehendaki Perdana Menteri untuk harmonikan kembali ekosistem industri padi dan beras sehingga tidak ada ruang bagi mana-mana pihak terutamanya mereka yang mengua-

sai sebahagian besar pasaran," kata beliau yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang.

Mengulas lanjut, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, jika sebelum ini kartel boleh melabelkan semula beras tempatan namun peranan menutup ruang tersebut menerusi mekanisme yang akan diperincikan.

"Lihat sahaja ketika ini bagaimana kartel sedang memanipulasi beras tempatan sehingga sukar dan tiada di pasaran. Masalah dan rungutan rakyat membimbangkan Perdana Menteri," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan cadangan mewujudkan Beras Putih Malaysia Madani untuk membantu negara memerangi tindakan kartel yang sebelum ini didakwa mensabotaj bekalan makanan rui tersebut sehingga membebaskan rakyat.

Anwar kemudian menyangkal dakwaan bahawa cadangan mewujudkan Beras Putih Malaysia Madani akan menyokong tindakan kartel mensabotaj bekalan beras negara.


Terdahulu, media melaporkan, Syed Abu Hussin Hafiz membuat pengumuman kerajaan akan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani yang bakal memasuki pasaran 1 Mac ini dan akan dijual dengan harga RM30 bagi karpit 10kg, RM15.50 bagi karpit 5kg dan RM3.50 bagi pek 1kg.

# HARU-BIRU BERAS MADANI

PEMIMPIN ini kata lain, pemimpin itu kata lain. Akhirnya rakyat yang sengsara.

Inilah yang berlaku sekarang berhubung pengendalian isu beras yang kerajaan namakan sebagai Beras Putih Malaysia Madani. Isu yang penting tetapi dikendalikan secara caramerba.

Jika ini dijadikan sebagai penanda aras kecekapan pentadbiran Kerajaan Madani. Jawapannya hanya satu, kegagalan!



Belajarliah dari kemajuan amalan demokrasi di Indonesia

H12

Tindakan tegas jual arak secara terbuka

H17



# Kecelaruhan Beras Putih Malaysia Madani

Kronologi

14 Februari 2024 - Rabu

**A**HLI Parlimen Bahli Ganung yang juga Pengerusi Pasukan Berhimpun (Kluster Maklumat), Mollie Tiradakan Kos Saeni Hilang (MACOL), Datu Syed Abdul Fasil, mengumumkan bahawa kerajaan telah mengimport beras putih yang dibenarkan Beras Putih Malaysia Madani.

Pendapatan harga siling baru bagi beras berkenaan akan berkuat kuasa 19 Februari dan akan berada di pasaran bermula 1 Mac.

Tempoh 10 hari itu bermula dengan harga siling yang penaja industri beras untuk membuat penyelarasan dari segi pembungkusan dan juga pemasaran.

Keputusan adalah hasil ilhar urus bersama pemegang tanah industri padi dan beras yang pernah berunding dengan bilangan pesudatkaran Pesawah Malaysia (Pesawah), wakil pengilang padi beras.

Hasil sesi libat urus di maklumkan kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohd Shamsuddin Bahagian Keselamatan dan Pengangkutan pada 16 Februari. Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menanganis isu beras negara.

Pemain industri beras di beri tempoh untuk mengubah pelaburan dan pembungkusan beras yang dibenarkan di bawah harga 1 Mac depan.

Semua jenis pembungkusan dan warna sedia ada di pasaran akan dibenarkan sehingga stok dibenarkan di peringkat pemborong habas. Menyangkut beras putih Madani, pemain industri beras menggariskan tiga bentuk yang kini di peringkat labaran.

16 Februari 2024 - Jumaat

Persoalan timbul mengenai siapa yang bertanggungjawab mengubah harga beras yang pernah dibenarkan oleh Pengerusi Pasukan Berhimpun (Kluster Maklumat) MACOL.



Syed Anwar Hussain Bahli Ganung sedang media amperu kemahiran Beras Putih Malaysia Madani.

Mengikut laporan sebuah portal, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohd Shamsuddin Bahagian Keselamatan dan Pengangkutan pada 16 Februari, Perdana Menteri menyatakan bahawa sebagai bahu makanan terawal perlu mendapat kelulusan Kabinet sebelum sebarang keputusan ditumamkan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohd Shamsuddin Bahagian Keselamatan dan Pengangkutan, telah berunding dengan pemain industri beras, termasuk dengan pemain industri beras, dalam masa terdekat.

“Pemain industri beras diberi tempoh untuk mengubah pelaburan dan pembungkusan kampak beras bagi baharu itu sehingga 1 Mac depan.”

## Perbandingan harga

### Beras Putih Malaysia Madani

RM30 bagi kampak 10 kg

RM15.50 (5kg)

RM3.50 (1kg)



### Beras Super Spesial Tempatan

lima peratus (SSTS)

RM26 bagi kampak 10 kg

RM13 (5kg)

RM2.60 (1kg)



# Apabila Kerajaan Madani bekerja

"Cadangan pengenalan Beras Putih Malaysia Madani dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dipersetujui untuk dilaksanakan. "Saya telah diberi amanah (memegang) jawatan (Pengerusi Pasukan Bertindak (Kluster Makanan) NACCOL ini untuk menyelesaikan sedikit-sebanyak kos sara hidup ini. Saya kena buat tindakan pantas. (Maka), ini pengumuman saya," katanya.

**Pengerusi Pasukan Bertindak (Kluster Makanan) NACCOL, Datuk Syed Abu Husain Hafiz Syed Abdul Fasal**

"Beras putih Madani) bukan (untuk sokong kartel), sebaliknya ini boleh sekat campur tangan kartel (beras). Ia akan dibincangkan dalam NACCOL dan belum ada keputusan."

**Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim**

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ingin menjelaskan kekeliruan yang berlaku susulan pengumuman Syed Abu Husin berkait cadangan beliau mengenai Beras Putih Malaysia Madani.

"Buat masa ini, belum ada ketetapan yang dibuat ke atas cadangan beliau. Sebarang ketetapan yang hendak dibuat mestilah berparadokan kepada Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) serta dimaklumkan kepada Jemaah Menteri."

**Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu**

"Jangan tipu rakyat dengan cadangan beras Madani ini!! Saya minta agar YAB PM @ Anwar Ibrahim tidak membenarkan cadangan beras Madani dari MP Bukit Gantang dari terus dilaksanakan. Seharusnya kita perlu terus menentang kartel yang mencampurkan beras tempatan dengan beras import bukan menyokong apa yang mereka buat.

"Jika wujudnya beras Madani ini, saya yakin tidak akan ada langsung beras putih tempatan di pasaran, sedangkan yang sekarang ini pun isu beras putih tempatan begitu susah untuk kita dapat. Seharusnya fokus kita adalah untuk meningkatkan SSL beras tempatan bukan nak menguntungkan kartel dan merugikan rakyat."

**Ketua Pemuda Umno, Dr. Muhammad Akmal Saleh**

"Pada waktu ini, belum ada pemakluman atau perbincangan di Kabinet mengenai ketetapan (satu grad beras putih) tersebut. Jadi ia bukanlah U-turn (pusingan U).

**Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil**

## Jual benih padi pasaran gelap beri tekanan kepada petani

**SHAH ALAM** - Kegiatan penjualan benih padi tidak sah melalui pasaran gelap memberi tekanan kepada segelintir golongan petani sekali gus menyebabkan berlakunya ke-lompongan dalam ekosistem pengeluaran beras negara.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, hal itu berlaku apabila bekalan benih yang dijual dengan harga sub-sidi tidak mencukupi untuk golongan petani.

Ujar beliau, pembelian melalui kegiatan tidak sah itu dilihat merugikan golongan petani kerana mereka terpaksa membayar dengan

harga pasaran.

"Apabila Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) hendak mengalirkan air, petani perlu ada benih tetapi pada masa itu, pengilang cakar benih tidak sampai lagi kerana ada sekatan-sekatan dan alasan-alasan lain.

"Pada masa yang sama, pasaran gelap ada benih. Petani pula macam mana sekali pun terpaksa tanam benih, jadi mereka kena beli di pasaran gelap.

"Jadi ada permainan perniagaan di situ.

Ini berlaku, kalau tanya petani-petani pun, mereka akan cakap perkara yang sama," katanya ketika dalam program interviu bertajuk 'Beras Madani jawab sengsara petani?' yang disiarkan secara langsung menerusi platform digital *Sinar Harian* pada Selasa.

Selain itu, menurut Mohamad Yusrizal, kelompongan ekosistem juga turut berlaku melibatkan aktiviti tipu timbangan.

"Bila sampai musim mengambil padi, ada ejen yang mengambil (padi) dan mereka hantar ke kilang. Di sana, jumlah padi tersebut akan dipotong sebanyak 20 peratus, kita pangghinya sebagai padi basah.

"Lagi baki 80 peratus itu, kerap kali berlaku tipu timbangan. Ini antara contoh-contoh kelompongan yang ada," katanya lagi.

Dalam pada itu, mengulas mengenai cadangan Beras Putih Malaysia Madani,

ujar Mohamad Yusrizal, kenaikan harga siling beras putih tempatan bagi 10 kilogram iaitu RM26 kepada RM30 dilihat memberi kesan kepada pengguna di negara ini.

Menurutnya, pertambahan harga itu memberi beban kepada masyarakat terutamanya golongan B40 memandangkan mereka turut perlu memikirkan tanggungan lain seperti kos pengangkutan dan sewaan.

"Tujuan saya berkata begitu bukan untuk tidak menyokong (kenaikan harga) daripada RM26 kepada RM30 tetapi diadakan satu mekanisme untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan ini.

"Harga barang makin naik. Ini yang menjadi kesusah kepada rakyat.

"Gaji minimum tidak naik, gaji di atas masih sama juga tetapi kos sara hidup makin lama, makin meningkat," jelasnya.



MOHAMAD YUSRIZAL

# Man held for fish-bombing

**KOTA KINABALU:** A fisherman believed to have been using explosives to catch fish was arrested at Gaya Island, a 10-minute boat ride from here.

The 40-year-old foreigner was detained in an operation conducted by the state Criminal Investigation Department (CID) and special investigation (D9) unit at 1am at the Kampung Pondo water village yesterday.

Sabah CID chief Senior Asst Comm Azmi Abd Rahim said they conducted the raid after being tipped off that the house had been used to store and make explosives.

SAC Azmi said the suspect told police that he had secured the material to make bombs from Mangsi Island in the Philippines.

22/2/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

30

# Hasil kerang merosot akibat cuaca

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamulla.com.my

**BAGAN DATUK:** Cuaca tidak menentu terutama angin kencang dan arus deras menjelaskan pendapatan nelayan yang mencari kerang di muara Sungai Perak di sini.

Nelayan terlibat mendakwa hasil kerang merosot hampir separuh daripada pendapatan biasa berikutan hujan menyebabkan muara sungai bergelora sehingga membahayakan bot kecil seperti mereka gunakan.

Namun, demi mencari rezeki, mereka sanggup menyabung nyawa menempuh muara sungai bergelora dan arus deras semata-mata mahu memungut kerang.

Mohamad Nahar Sarip, 56, berkata, sejak kebelakangan ini cuaca tidak menentu dan beberapa kali dia menempuh



**SAUK yang digunakan Mohamad Nahar Sarip untuk mendapatkan kerang di muara Sungai Perak dekat Bagan Datuk. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

keadaan cemas kerana sungai bergelora semasa memungut kerang.

Katanya, pada awalnya cuaca

cerah, namun tiba-tiba bertukar bergelora menyebabkan bot kecil mereka terumbang-ambing.

"Saya sudah beberapa kali

menempuh keadaan mencemaskan ketika berada di tengah muara sungai apabila cuaca berubah begitu cepat. Perubahan cuaca tidak dijangka, dari pada tenang kepada bergelora.

"Tiada apa yang dapat saya lakukan selain melabuhkan sauh dan bertahan dalam bot menunggu sehingga cuaca kembali cerah.

"Sungai bergelora boleh menyebabkan bot kecil terbalik dan inilah keadaan yang terpaksa kami tempuh sebagai nelayan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, disebabkan faktor cuaca, kadangkala dia hanya dapat menaikkan dua tong kerang dengan setiap satu seberat 16 kilogram, berbanding 10 atau 20 tong setiap kali menyauk jika cuaca cerah.

Jelasnya, akibat cuaca tidak menentu, dia hanya memperoleh dua tong kerang selepas

menyauk mulai pukul 9 pagi hingga 2 petang.

"Kalau ikutkan memang tidak berbaloi dengan kos minyak tapi ini sahaja yang mampu kami dapat," ujarnya.

Dia menambah, jika cuaca buruk, mereka tidak memungut kerang sebaliknya mencari alternatif lain sebagai sumber pendapatan seperti memancing.

Begitupun, katanya, sumber hidupan sungai seperti udang dan ikan juga berkurangan disebabkan faktor cuaca.

"Saya pernah turun ke laut menyauk kerang tetapi bimbang keselamatan kerana gelombang besar maka saya hadkan aktiviti itu.

"Saya dan nelayan lain sentiasa berwaspada ketika turun ke laut pada musim hujan kerana bimbang ombak besar. Walau apa pun kami tetap utamakan keselamatan," katanya.

# Misteri Beras Putih Malaysia Madani



BICARA  
AWAM

WONG CHIN HUAT

**R**abu lalu, rakyat Malaysia diberitahu bahawa bermula 1 Mac ini, semua beras dijual di Malaysia adalah Beras Putih Malaysia Madani berharga RM30 (10 kilogram) dan tidak lagi dibahagi kepada beras putih tempatan (SST) yang kini berharga RM26 dan beras putih import yang bebas harganya.

Pengumuman tersebut dibuat, bukannya oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan tetapi oleh seorang ahli Parlimen penyokong kerajaan, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang mempengerusikan Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL),

Selepas dikritik oleh ahli-ahli perniagaan dan ahli Parlimen kerajaan lain,

dinafikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, seterusnya oleh menteri-menteri berkaitan, pengumuman tersebut kini seolah-olah 'berita palsu' oleh sumber rasmi kerana menurut Menteri Komunikasi, ia cuma cadangan peribadi Syed Abu Hussin Hafiz.

Pada Jumaat lalu, tarikh yang dilaporkan untuk keputusan muktamad oleh NACCOL atas perkara berkenaan, tiada keputusan dibuat atau diumumkan oleh badan yang dipimpin oleh Perdana Menteri sendiri.

Drama Beras Madani menimbulkan dua misteri. Satu, mengenai cadangan kategori tunggal bagi beras. Satu lagi tentang proses dan mutu pembuatan keputusan dalam Kerajaan Madani.

Misteri pertama – bagaimana masalah penyorokan beras tempatan sehingga golongan B40 terpaksa membeli beras import yang lebih mahal dapat diatasi dengan menghapuskan perbezaan dua kategori beras ini?

Apabila beras tempatan (10kg) berharga RM26 (10kg) sedangkan beras import naik kepada RM36 hingga RM38 pada September 2023 kerana sekatan eksport India dan sebagainya serta pe-

nawaran beras tempatan kurang, maka peniaga yang tidak beretika mempunyai insentif untuk mencampurkan beras tempatan dalam beras import dan dijual dengan beras import.

Sebagi perbezaan harga tidak dikurangkan atau bekalan beras tempatan tidak ditingkatkan (misalnya dengan subsidi), insentif kekal bagi golongan kartel untuk meneruskan gejala pencampuran (dan pemalsuan) beras import tetap wujud sehingga B40 tidak dapat membeli beras tempatan.

Adakah idea pintar Syed Abu Hussin Hafiz sebenarnya menghalalkan aktiviti tersebut dengan menghapuskan perbezaan ini? Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan teori itu dan menekankan, sebaliknya ia adalah usaha 'mengegang campur tangan kartel'.

Persoalannya, bagaimana? Bagaimana dengan mencampuradukkan semua beras, maka 'campur tangan kartel' dapat dikecang? Apa mekanismenya? Apakah logikinya? Ini misteri besar, dan pembuatan dasar awam seharusnya berasaskan perancangan saintifik, bukan misteri, bukan keajaiban.

Ia membawa kepada misteri kedua. Bagaimana Syed Abu Hussin Hafiz me-

nemui idea pintar itu? Apakah kajian yang telah dibuat? Bolehkah kluster makanan NACCOL pimpinannya mengemukakan minit perbincangan kalau-lah tidak tersedia kertas kerja?

Rakyat Malaysia dianggarkan membeli beras sebanyak 2.91 juta tan metrik. Satu tan metrik ialah 1,000kg atau 100 pek 10kg dan 2.91 juta tan metrik ialah 291 juta pek. Kalau darab dengan kenaikan RM4 untuk beras tempatan, cadangan Syed Abu Hussin Hafiz sudah mengesani sekurang-kurangnya RM1,164 juta.

Besar impak 'cadangan peribadi' yang hampir menjadi dasar awam tetapi apa asas idea itu misteri besar. Pembuatan dasar awam tak perlukan kertas putih atau kertas hijau. Gerak hati sudah cukup.

Malah, apa kelebihan Syed Abu Hussin Hafiz – selain menyokong Perdana Menteri sungguhpun daripada Bersatu untuk dilantik dan terus kekal sebagai Pengerusi kluster NACCOL pun misteri yang besar.

*\* Profesor Wong Chin Huat ialah Timbalan Ketua (Strategi), Pejabat Asia, Rangkaian Penyelidikan Pembangunan Mampuan PBB (SDSN-Asia) di Universiti Sunway*